

Hello Kampus

JOHOR

IPGKTI dilantik jadi Amil Institusi oleh MAINJ

Utusan Malaysia 15/10/2014.

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD
utusan.johor@gmail.com

JOHOR BAHRU 14 Okt. - Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI) menjadi institusi pengajian tinggi keempat dilantik sebagai Amil Intitusi (AI) oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), baru-baru ini setelah menandatangani perjanjian pengu-rusan zakat antara kedua-dua belah pihak baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam negeri, Abd. Mutalip Abd. Rahim berkata, AI yang diperkenalkan sejak 2006 telah melantik Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai amil tersebut.

Menurutnya, berdasarkan perangkaan ketiga-tiga institusi tersebut menunjukkan prestasi pungutan dan potongan zakat pendapatan melalui potongan gaji yang memberangsangkan.

Sebagai contoh, pada tahun lalu UTM berjaya memungut zakat pendapatan sebanyak RM2.686



ABD. Mutalip Abd. Rahim (empat dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Mohd. Said Hasran dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Pengurusan Zakat di Johor Bahru, Johor, baru-baru ini. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

juta, manakala pada 2012 sebanyak RM2.360 juta iaitu peningkatan sebanyak RM326,000, katanya.

Menurutnya, UTHM pula pada 2012 berjaya mengutip zakat RM682,000 dan jumlah itu meningkat sebanyak RM1.175 juta dengan keseluruhannya pungutan zakat menerusi potongan gaji menunjukkan peningkatan dari tahun demi tahun.

"Tujuan kita melantik AI bertujuan untuk meningkatkan lagi pungutan zakat dan memudahkan para pembayar zakat yang ingin membayar zakat menerusi potongan gaji.

"Dengan adanya kemudahan ini, para pembayar dapat melaksanakan Rukun Islam ketiga dengan mudah, fleksibel dan pada masa yang sama beroleh rebat bagi cukai pendapa-

tan mereka," katanya pada majlis Menandatangani Perjanjian Pungutan Zakat antara MAINJ dengan IPGKTI, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah IPGKTI, Mohd. Said Hasran; Ketua Pegawai Eksekutif MAINJ, Abdul Razak Hassan dan Mufti negeri, Datuk Tahrir Samsudin.

Abd. Mutalip berkata, selepas

ini IPGKTI akan menandatangani perjanjian sama dengan Poleteknik Ibrahim Sultan (PIS) dan di harap dengan terlaksananya perjanjian tersebut pungutan zakat di negeri ini dapat ditingkatkan dan pada masa yang sama dapat diagih-agihkan kepada lapan asnaf yang layak serta beroleh keberkatan Allah SWT.